

23/03/1999

Polis anggap ugutan serius

KUALA LUMPUR, Isnin - Polis memandang berat ugutan untuk membunuh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun panggilan telefon itu cuma diterima wakil peribadi Perdana Menteri, Tan Sri Osman Aroff, semalam.

Pemangku Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata pihaknya tidak akan mengambil sebarang risiko berhubung ugutan berkenaan dan siasatan menyeluruh akan dijalankan segera.

"Kita tidak memandang ringan sebarang maklumat yang diterima kerana kita tidak mahu mengambil risiko," katanya kepada pemberita di Bukit Aman di sini, petang ini.

Sebuah akhbar hari ini melaporkan, Osman menerima ugutan itu menerusi telefon di kediamannya kira-kira jam 1 pagi semalam.

Pemanggil itu antara lain dikatakan memberitahu Osman supaya memberi amaran kepada Dr Mahathir supaya tidak melawat Kedah seperti yang dirancangkan.

Perdana Menteri melakukan lawatan kerja selama dua hari ke negeri itu, bermula semalam. Osman yang juga bekas Menteri Besar Kedah, sudah membuat laporan polis mengenai ugutan itu.

Ditanya sama ada kawalan keselamatan pemimpin negara ketika ini akan diperketatkan, beliau berkata, sistem sedia ada sememangnya sudah cukup ketat dan pihaknya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga serta tiada kompromi mengenainya.

Mengenai pita rakaman yang mengandungi arahan untuk membunuh beberapa pemimpin tertinggi Umno termasuk Perdana Menteri, yang didedahkan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali baru-baru ini, beliau berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan berhubung aduan berkenaan.

"Setakat pagi ini, yang saya diberitahu kita hanya merakamkan kenyataan lima saksi," katanya.

Mengenai demonstrasi di ibu negara Sabtu lalu bagi membantah keganasan polis, beliau berkata, polis hanya menjalankan tanggungjawab dengan bertindak mengikut peruntukan undang-undang dalam menangani sesuatu kes.

Menurutnya, prasangka orang ramai bahawa polis bertindak ganas dalam menangani beberapa isu seperti demonstrasi dan sebagainya, tidak timbul kerana pihaknya bertindak mengikut peruntukan undang-undang.

"Adalah tanggungjawab polis untuk menguatkuasakan tindakan undang-undang. Isu sama ada polis perlu berlembut atau berkeras tidak timbul sama sekali," katanya.

Norian juga berkata, jika sesuatu perhimpunan haram itu boleh menjejaskan keselamatan orang ramai, pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan.

Bagaimanapun katanya, pihaknya akan meminta orang ramai yang menyertai perhimpunan itu bersurai terlebih dulu.

Mengenai laporan yang akan dihantar kepada Menteri Dalam Negeri berhubung langkah serta merta serta projek bagi memulihkan imej polis di mata umum, Norian berkata, laporan itu sedang dilengkapkan.

"Kita akan siapkan dan hantar secepat mungkin," katanya.

Jumaat lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Abdullah Ahmad Badawi, selepas berdialog dengan kepimpinan Polis Diraja Malaysia, berkata polis akan berusaha memulihkan imejnya yang agak tercemar ekoran rentetan insiden sejak kebelakangan ini dengan mencadangkan beberapa program dan projek spesifik untuk dijalankan.

Laporan itu akan dihantar kepada Abdullah selaku Menteri Dalam Negeri dan akan diteliti di peringkat kementerian itu, sebelum dilaksanakan.
(END)